

**Hargai Usaha Kepimpinan Negara - Muhyiddin
Bernama
Sept 6, 2014**

MUAR, 6 Sept (Bernama) -- Semua pihak termasuk pembangkang perlu mengakui bahawa kepimpinan negara telah berjaya meletakkan Malaysia dalam kalangan negara maju di rantau ini.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata status negara yang maju dan pesat membangun dikecapi ketika ini bukanlah sesuatu yang mudah sekiranya negara tidak diuruskan dengan baik.

"Kalau Malaysia tidak diuruskan dengan sempurna, masalah ekonomi akan menjadi runcing, rakyat menganggur, peluang pekerjaan tiada. Siapa yang akan dipersalahkan? Kerajaan juga yang akan dipersalahkan.

"Hari ini Malaysia tidak seperti itu. Tidak sahaja kita (pemimpin) uruskan, kita juga beri yang perlu.

"Kita tidak minta pujian tetapi bagilah 'credit' (penghargaan terhadap usaha kerajaan). Pembangkang kena iktiraf," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Pagoh di Kompleks Seri Pekembar dekat sini, hari ini. Turut hadir isteri Muhyiddin, Puan Sri Noorainee Abd Rahman.

Muhyiddin yang juga Ketua Umno Bahagian Pagoh berkata mengikut penganalisis, Malaysia dilihat mampu mencapai taraf negara maju lebih awal iaitu pada 2018 daripada sasaran 2020.

"Bagi 'credit' (penghargaan) bagi pihak yang berupaya untuk selesaikan masalah ekonomi. Berikan penghargaan sepatutnya," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan tidak terlalu ghairah dalam mengejar status negara maju sehinggakan ada golongan masyarakat yang tertinggal daripada arus pembangunan.

"Dalam tempoh lima tahun akan datang, strategi kita (kerajaan) adalah untuk mengurangkan perbezaan dan jurang antara kaum dari segi pendapatan supaya tiada yang rasa tertinggal," kata Timbalan Perdana Menteri.

Menyentuh tentang perjuangan orang Melayu sebagai anggota Umno, beliau berkata orang Melayu tidak pernah dipaksa untuk menjadi anggota Umno, malah diberi pilihan untuk berbuat demikian.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden Umno berkata bagaimanapun, bila sudah menjadi anggota Umno, ia adalah satu amanah dan tanggungjawab berat untuk memperjuangkan nasib bangsa.

Anggota Umno bukan sahaja perlu bersikap jujur dan amanah tetapi berusaha lebih gigih lagi untuk memperjuangkan dan menyelesaikan permasalahan rakyat umumnya, katanya.

"Sekarang ini nasib bangsa sudah terbela, tetapi belum sepenuhnya, masih ada yang kurang. Masih ada yang miskin, tiada pendapatan tetap, ilmu kemahiran tidak cukup, rumah tak sempurna, makan tak sempurna.

"Selagi hayat dikandung badan, perjuangan takkan selesai," kata Muhyiddin.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1066411>